

SOALAN NO. 53**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan pecahan statistik destinasi universiti untuk setiap graduan Kolej Permata Pintar sejak ia ditubuhkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program PERMATA Pintar menubuhkan Kolej PERMATA Pintar pada tahun 2010 dengan graduan pertama pada tahun 2012. Sehingga kini, bilangan graduan Kolej PERMATA Pintar yang sedang menyambung pengajian adalah seramai 365 orang dengan pecahan 131 pelajar di universiti luar negara dan 234 pelajar di dalam negara.

Pecahan statistik destinasi universiti 131 orang graduan Kolej PERMATA di luar negara adalah meliputi 15 buah negara iaitu Amerika Syarikat (63 orang), United Kingdom (31 orang), Australia (8 orang), Jepun (3 orang), Korea Selatan (2 orang), Mesir (2 orang), New Zealand (2 orang) dan seorang (1) pelajar masing-masing di China, India, Perancis, Indonesia, Jordan, Sepanyol, Turki, dan Rusia. Seramai 12 pelajar sedang dalam persediaan ke luar negara di negara yang belum ditetapkan lagi. Penghantaran pelajar adalah ke universiti-universiti terkemuka (*ivy league*) dan university-universiti yang ditentukan oleh pihak penaja, antara universiti yang terlibat adalah University of Cambridge, Princeton University, University College London, University of Chicago, Stanford University, Johns Hopkins University dan lain-lain.

Seramai 234 orang pelajar pula sedang menyambung pengajian di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (159 orang),

Universiti Tekonlogi Mara (17 orang), Universiti Teknologi Petronas (8 orang), Universiti Malaya (6 orang), Universiti Putra Malaysia (6 orang), Universiti Teknologi Malaysia (5 orang), Univerisiti Tenaga Nasional (5 orang), Multimedia University (4 orang), Universiti Islam Antarabangsa (3 orang), Universiti Kuala Lumpur (2 orang), Universiti Sains Malaysia (2 orang), Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) (2 orang) serta seorang (1) pelajar masing-masing di Universiti Lim Kok Wing, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti MAHSA, *Management & Science University*, *Quest International University Perak*, Universiti Sunway, Universiti UCSI, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Utara Malaysia.

Sekian, terima kasih.